

# Angkasawan Malaysia perlu bawa misi dunia

Oleh MOHD. ROSHDI HASSAN

KETIKA menghadiri satu mesyuarat di ibu pejabat Rolls Royce di Derby, beberapa hari selepas pengumuman calon angkasawan Malaysia, saya ditanya mengenai isu batik oleh seorang penyelidik di situ. Pengumuman tersebut telah mendapat liputan oleh beberapa akhbar di United Kingdom (UK). Ketika ditanya, saya dengan penuh keyakinan menafikan berita tersebut walaupun ia pernah timbul di peringkat awal dahulu. Saya berpandangan ia ditimbulkan oleh akhbar di UK hanya bagi memperlekehkan tahap pemikiran rakyat Malaysia di kaca mata dunia.

Tetapi hari ini, saya agak terkejut apabila melawati laman web ANGKASA dan mendapati ada Pertandingan Batik Angkasa sedang berlangsung. Saya menjangka isu batik telah dimaklumkan akan relevannya dengan program angkasawan Malaysia.

Bila bercakap isu angkasa lepas, semua bangsa di dunia telah mengetepikan sentimen bangsa dan budaya masing-masing bagi mencapai satu cita-cita untuk sama-sama memulakan kehidupan di ruang angkasa. Walaupun cita-cita tersebut masih lagi dianggap hampir mustahil, tetapi ia penting bagi perkembangan ilmu untuk generasi akan datang. Amerika dan Soviet Rusia semasa Perang Dingin tetap meneruskan usaha sama untuk menguasai angkasa lepas. Ia dibuktikan dengan misi "Apollo-Soyuz

Test Project" pada tahun 1975. Persediaan untuk menjayakan misi ini dimula sejak 1971 lagi dengan pertukaran saintis antara Amerika dan Soviet Rusia.

Oleh itu, jika cita-cita untuk hidup di angkasa ini berjaya di masa akan datang, tidak akan wujud negara tertentu di angkasa lepas. Satu contoh yang nyata, ISS (International Space Station) itu sendiri di bina dengan perkongsian lima agensi angkasa utama dunia iaitu National Aeronautics and Space Administration (Amerika), Russian Federal Space Agency (Rusia), Japan Aerospace Exploration Agency (Jepun), Canadian Space Agency (Kanada) and European Space Agency (Eropah). Namun untuk menghasilkan struktur tersebut, ia telah melibat sumbangan kepakaran dari lebih 20 buah negara di dunia.

Sebelum memulakan misi tersebut, angkasawan kita sepatutnya mampu menjawab, apakah sumbangan Malaysia bagi melengkapkan ISS tersebut? Di samping Misi Nasional, angkasawan kita juga perlu membawa misi dunia. Sepatutnya juga angkasawan kita diberi tugas untuk melakkan satu uji kaji bagi menguji peralatan yang dibina oleh saintis kita untuk digunakan di ISS nanti. Barulah dunia menghargai usaha rakyat Malaysia dan sumbangannya untuk kehidupan manusia di masa hadapan.

Itu lebih baik untuk membuka mata masyarakat dunia kepada keupayaan negara kita. Kita tidak mahu angkasawan

UM- 11/2/2008  
kita dikategorikan sebagai pelancong kerana tidak membawa mesej peningkatan ilmu dalam misi mereka. Dan juga, kita tidak mahu angkasawan dianggap akan menyusahkan pihak agensi tertentu kerana mungkin akan merosakkan peralatan berharga mereka yang dipasang di ISS. Kita perlu ingat bahawa ISS bukannya kepunyaan Rusia dan agensi lain berhak untuk menghalang angkasawan kita dari menjejak kaki di ISS.

Setiap orang yang dihantar ke angkasa mempunyai misi yang jelas kecuali para pelancong, yang hanya membawa misi kepuasan kepada diri mereka sendiri. Sebagai contoh, keputusan kerajaan Amerika untuk menghantar seorang guru yang bernama Christa McAuliffe bagi misi STS 51-L adalah bagi memupuk minat kanak-kanak di sekolah dengan ilmu berkaitan angkasa lepas. Namun misi tersebut gagal kerana kegagalan Space Shuttle Challenger disebabkan ia meletup ketika pelancaran dan mengorbankan semua krewnya pada tahun 1986.

Sehingga kini, rakyat Malaysia terutamanya golongan terpelajar masih lagi bertanya-tanya apa yang akan dilakukan angkasawan kita di ISS. Sepatutnya, apabila ditanya, pihak yang berkenaan mampu menyatakan senarai uji kaji yang mempunyai nilai saintifik kepada kehidupan manusia di angkasa yang akan dilakukan oleh angkasawan kita.

Bagi saya program angkasawan ini melambangkan azam pemimpin-pemimpin

kita untuk maju dalam semua bidang terutama dalam bidang yang berkaitan dengan aeroangkasa. Apa yang diharapkan sebagai rakyat Malaysia, angkasawan kita perlu membuktikan kepada dunia keupayaan rakyat Malaysia dalam mencorakkan ilmu dan peradaban dunia. Kita tidak mahu negara kita ditertawakan oleh dunia kerana gagal menggunakan peluang yang diberikan kepada kita.

Kita juga mahu nama angkasawan kita terukir di setiap mulut saintis dunia seperti mana sumbangan angkasawan Jepun, Soichi Noguchi, yang menjayakan misi STS-114 iaitu misi "Return to Flight" dengan menggunakan Space Shuttle Discovery. Misi tersebut bertujuan bagi memberi keyakinan kepada Space Shuttle selepas tragedi Space Shuttle Columbia pada tahun 2003.

Sesungguhnya perjalanan ke angkasa lepas bukanlah suatu yang menyeronokkan seperti yang disangka. Angkasawan seharusnya perlu bersedia dengan segala kemungkinan sebelum memulakan misi tersebut. Di samping kekuatan fizikal, mereka juga memerlukan kekuatan mental dalam menjayakan misi mereka.

Melihat rakaman video oleh krew STS-113 yang boleh didapati di laman web NASA, yang meletup ketika pulang ke bumi, cukup menyayatkan saya. Mereka telah dianggap sebagai wira kerana sanggup memperjudikan nyawa mereka untuk kebaikan manusia sejagat di masa hadapan.